

PM nasihat anggota BN jangan bakar perasaan rakyat

# Umno tidak tamak kuasa

Oleh SAODAH ELIAS

**KAPAR, Selasa — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata Umno sebagai tonggak kestabilan politik negara tidak tamak kuasa dan sentiasa sanggup bekerjasama dengan semua kaum dan parti komponen Barisan Nasional (BN).**

Perdana Menteri menegaskan walaupun Umno 'ketua kumpulan BN,' ia sentiasa bersedia bekerjasama dan bertolak ansur dengan parti komponen yang lain, asalkan mereka juga bersikap sedemikian.

"Umno mahu ahli parti komponen sentiasa menjunjung konsep bekerjasama dalam BN dan sanggup berunding bagi menyelesaikan apa juga masalah yang dihadapi secara baik.

"Sehubungan itu, Umno tidak mahu parti-parti terhabit mendedah dan mempamerkan masalah yang dihadapi kerana ia akan hanya menguntungkan musuh BN dan menyebabkan parti berkenaan tidak dipercayai," katanya di majlis kesyukuran dan perhimpunan Aidilfitri Umno Bahagian Kapar di sini hari ini.

Datuk Seri Dr Mahathir, yang juga Pengerusi BN, berkata kerana itu juga pemimpin tinggi Umno tidak pernah mengeluarkan kenyataan balas terhadap pelbagai pihak yang cuba memburuk-burukkannya serta kerajaan.

Beliau berkata, ingatan supaya anggota BN tidak mengeluarkan kenyataan yang memba-

kar perasaan perkauman itu ditujukan kepada semua peringkat pemimpin parti komponen BN.

Menurutnya, Umno kini semakin kukuh setelah berjaya mengatasi ujian besar ketika pemilihan parti April lalu.

"Kejayaan itu adalah petanda baik menunjukkan sebahagian besar ahli Umno masih kukuh dengan prinsip Umno dan tidak mudah terpedaya dengan dakyah dan tohmah pihak tertentu," katanya.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, beliau bangga kerana sebahagian besar pendirian ahli parti tidak mudah dipesongkan oleh tohmah pihak tertentu.

Beliau yakin bilangan mereka yang berpegang teguh pada tradisi Umno akan bertambah.

Beliau menegaskan kestabilan Umno amat penting bagi mengekalkan kestabilan politik dan ekonomi negara.

Menurut beliau, hanya melalui cara itu sahaja ekonomi negara dapat pulih segera dan bukan dengan cara menukar pemimpin.